

14 MAY 1997

India-MSK

ANDHRA PRADESH CADANG WUJUDKAN HUBUNGAN MSC-CYBERABAD

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Andhra Pradesh, N.Chandrababu Naidu telah mencadangkan kemungkinan mewujudkan hubungan antara Koridor raya Multimedia Malaysia (MSC) dan "Cyberabad" India.

Katanya hubungan itu boleh diwujudkan antara Universiti Multimedia dan Institut Teknologi Maklumat India yang dicadangkan di Hyderabad.

Ketua Menteri berkenaan yang sedang dalam lawatan ke sini, membuat tawaran itu selepas perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri semalam.

Satu kenyataan daripada Pesuruhjaya Tinggi India hari ini berkata dalam perbincangan itu, Chandrababu diiringi Menteri Perindustrian Utama Basheeruddin Babu Khan dan bekas presiden Persekutuan Perindustrian India Shekhar Dutta.

"Hubungan komunikasi juga boleh diwujudkan antara Hitec City Hyderabad dan MSC," menurut kenyataan itu.

Chandrababu juga mempelawa pengeluar kereta nasional, Proton untuk mewujudkan kilang pengeluarannya ke Visakhapatnam di selatan India.

Beliau turut mencadangkan pembinaan taman perindustrian di Andhra Pradesh oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia dengan penyertaan sektor swasta negeri itu.

"Semasa perjumpaan itu Ketua Menteri juga berbincang dengan Dr Mahathir mengenai bidang-bidang yang boleh diterokai pelabur Malaysia di Andhra Pradesh," menurut kenyataan itu.

Chandrababu berkata para pelabur Malaysia boleh menyertai projek pembangunan infrastruktur seperti pelabuhan, jalan raya dan taman perindustrian.

"Ketua Menteri menarik perhatian kepada Visakhapatnam yang boleh dikaitkan dengan Pelabuhan Klang," kata kenyataan itu.

Selepas perbincangannya dengan Dr Mahathir, Chandrababu melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), agensi yang bertanggungjawab bagi pembangunan MSC.

Beliau juga mengunjungi Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

-- BERNAMA

ES AHA RON